



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

20 Zulkaedah 1443 / 20 Jun 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan sedikit peningkatan di mana jumlah kes yang dikesan adalah melebihi 500 kes setiap hari, dengan lebih 99% daripadanya telah dikesan melalui ujian ART.

(On screen: Graph I – Epidemic Curve since Feb 2022)

- i) Walau bagaimanapun, jumlah kes di dalam Kategori 4 dan 5 terus berada di tahap yang rendah. Pada hari ini, sebanyak **1 kes** berada di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **1 kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Di kalangan kes-kes yang dikesan setiap hari dalam masa satu minggu kebelakangan, lebih 99% daripada kes-kes yang dikesan juga telah dikategorikan di dalam Kategori 1 atau 2 dan tidak memerlukan rawatan di hospital.

- iii) Dalam masa satu minggu kebelakangan ini juga, liputan vaksinasi COVID-19 terus meningkat seperti berikut,
- **72.3%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin manakala **5.2%** juga telah mendapatkan dos keempat;
 - Sebanyak **71.4%** daripada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun telah mendapatkan dos kedua vaksin;
 - Walau bagaimanapun, hanya **48.5%** remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah mendapatkan dos ketiga vaksin.
2. Pada hari ini, Isnin, 20 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 20 Jun 2022, sebanyak **751 kes baru** telah dilaporkan iaitu 751 kes hasil ujian ART dan 0 kes adalah hasil dari 182 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Jumlah kes aktif yang ada pada hari ini sebanyak 4,129 kes.
3. Dalam masa 24 jam yang lalu, 2 kes COVID-19 telah meninggal dunia di mana kedua-dua kes tersebut tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan oleh COVID-19. Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga-keluarga Allahyarham. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para salehin. (Al-Fatihah)

4. Sementara itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai satu kajiselidik yang akan dijalankan bagi mengenalpasti kesan pandemik COVID-19 terhadap pemakanan serta amalan-amalan pengambilan dan perkhidmatan makanan di Negara Brunei Darussalam. Kajiselidik ini akan dijalankan melalui aplikasi BruHealth bermula 23 Jun 2022, di mana peserta kajiselidik akan dipilih secara rambang (*random*) dan dipelawa untuk melengkapkan soal selidik. Hasil dari kajiselidik berkenaan akan membantu Kementerian Kesihatan dalam merancang respon bagi mengurangkan kesan pandemik terhadap pengambilan pemakanan di masa akan datang.

Kumpulan sasaran bagi kajiselidik adalah seperti yang tertera di skrin sekarang:

- Ibu atau penjaga bagi kanak-kanak berumur 2 tahun kebawah;
- Ibu atau penjaga bagi kanak-kanak berumur antara 2 hingga 19 tahun;
- Kanak-kanak berumur 15 sehingga 18 tahun; dan
- Ibu-ibu yang mengandung dan sedang menyusukan / ibu-ibu yang baru melahirkan

Orang ramai yang dipelawa untuk menyertai kajiselidik ini adalah dialu-alukan untuk memberikan kerjasama dengan melengkapkan soal selidik sepenuhnya supaya program yang akan dirancang dapat dilaksanakan dengan sempurna.

5. Seterusnya, Kementerian Kesihatan ingin memberikan maklumat terkini mengenai keadaan jangkitan cacar monyet atau *monkeypox* yang telah

dikesan di 36 buah negara di dunia, setakat 15 Jun 2022. Bagi memberikan penerangan lanjut mengenai situasi ini, saya serahkan kepada Dr Justin Wong, Konsultan Kesihatan Awam untuk memberikan penerangan ringkas. Sesi soal jawab akan dibukakan selepas itu nanti.

6. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 20 Zulkaedah 1443H / 20 Jun 2022